

ورتاقنرشن

# Warta Penerangan

[www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn)

Edisi Kesepuluh  
Oktobar 2009

Terbitan Jabatan Penerangan

## Selamat Hari Raya

**Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan  
Bersama Penduduk Mukim Ukong, Daerah Tutong**



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, menyampaikan derma kepada anak yatim di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri, Jabatan Penerangan bersama penduduk Mukim Ukong.

## Pengarah Penerangan Berhenti Raya Di Daerah Temburong



Merakamkan gambar kenangan bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri, Jabatan Penerangan di Daerah Temburong.

## Sidang Redaksi

### Penasihat

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

### Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

### Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aidah Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

### Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Hajah Norpisah Md. Salleh  
Asnah Haji Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

### Penyemak

Hajah Norpisah Md. Salleh

### Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd. Noor

### Fotografi

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris  
&  
Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

### Reka Letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

- Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Jabatan Penerangan Di Daerah Tutong dan Temburong 1
- Program Kerjasama Dalam Bidang Penerangan Brunei Darussalam & Thailand: Program Pertukaran Pegawai 3
- Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 4 - 5
- Program Penempatan di Jabatan Penerangan Malaysia 6
- MRO Bertugas  
- Kakitangan Baru Berkhidmat  
- Tahniah  
- Selamat Hari Lahir 7
- Gembira Di Hari Raya 8

## Sekapur Sirih

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

Allahuakbar Allahuakbar Allahuakbar Walillahilhamd

**S**elamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga Penerangan. Alhamdulillah kita telah sama-sama dapat melaksanakan salah satu Rukun Islam iaitu berpuasa.

Jabatan Penerangan di bulan Syawal ini mengambil kesempatan mengadakan kunjung ziarah kepada masyarakat mukim dan kampung yang telah banyak memberikan kerjasama dalam program-program kemasyarakatan dan kenegaraan jabatan. Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri diadakan di keempat daerah. Adanya program seperti ini telah dapat meningkatkan lagi hubungan silaturahim antara kerajaan dan rakyat. Pada tahun ini majlis turut disertai oleh pegawai kanan dari Kementerian Penerangan Malaysia di bawah MoU Brunei Darussalam dan Malaysia di bidang Penerangan.

Selain itu ahli keluarga warga Penerangan juga bersama hadir di Majlis Ramah Mesra ini dalam suasana yang penuh muhibah. Setentunya ini akan dapat memberi peluang bagi ahli keluarga berkenalan sesama sendiri dan memahami kerja-kerja Penerangan dengan lebih dekat lagi.

Warta Penerangan bulan ini juga memaparkan aktiviti Program Pertukaran Pegawai Penerangan ke Thailand iaitu salah satu program di bawah MoU dalam bidang Penerangan dan Penyiaran antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand. Selain itu program penempatan kerja di Cawangan PENTARAMA Kuala Lumpur, Malaysia juga disiarkan. Apa yang penting program-program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan kepada pegawai-pegawai di jabatan ini dalam usaha untuk meningkatkan kebolehan masing-masing. Adalah diharapkan pegawai-pegawai yang telah dihantar akan mengambil peluang yang diberikan sebanyak yang mungkin untuk dapat diperaktikkan. Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi setentunya akan dapat digunakan dalam kerja seharian seperti kata pepatah 'di mana ada kemahuan di situ ada jalan'. Sama-sama kita terus bekerja dan melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh dedikasi untuk terus melihat Jabatan Penerangan berjaya dan terus berjaya.

Wassalam.

**DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG**  
Pengarah Penerangan

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2381997.

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

## Program Kerjasama Dalam Bidang Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Thailand: Program Pertukaran Pegawai



Merakamkan gambar kenangan bersama patung lilin Raja-raja Dinasti Chakri, Negeri Thailand di Human Imagery Museum.

Pada 28 Oktober, empat orang pegawai telah bertolak ke Bangkok, Thailand untuk menghadiri Program Pertukaran Pegawai Penerangan ke Thailand, di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Bidang Penerangan dan Penyiaran antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand.

Mereka ialah Awang Hilmy bin Haji Zainal, Ketua Bahagian Pengurusan dan Perkembangan Kapisiti; Awang Haji Khairul Azli bin Haji Kassim (Jabatan Perdana Menteri); Awang Haji Masrin bin Bahrin, Pegawai Luar Penerangan daripada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok, Penterjemah Bahasa Cina daripada Bahagian Perkhidmatan Media.

Program pertukaran tersebut dikendalikan oleh Public Relations Department (PRD), Prime Minister's Office of Thailand merupakan kali yang keempat sejak MoU ditandatangani pada 16 Ogos 2001.

Antara objektif lawatan tersebut ialah meningkatkan kerjasama dan kemahiran dalam bidang penerangan dan penyiaran. Selain itu, lawatan tersebut juga mengeratkan hubungan diplomatik yang sudah wujud sejak 1 Januari 1984.

Semasa berada di Bangkok, rombongan dibawa mengunjungi Radio Thailand, Channel 11 (National Broadcasting Services of Thailand), Thai Public Broadcasting Services (TPBS), Amarin Printing & Publishing Public Company, National Archives of Thailand, National Science Museum dan Bronze Craft Market. Di Wilayah Nakon Pathom pula, rombongan melawat ke Human Imagery Museum,

Samphran Elephant Ground & Zoo dan Don Wai Floating Market.

Sepanjang program pertukaran lima hari itu, rombongan Brunei bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman bersama rakan-rakan sejawatnya. Lawatan juga memberikan peluang untuk menikmati makanan asli Thai dan menyaksikan semangat rakyat Thailand menyanjungi Raja mereka. Gambar wajah dan poster Raja dan Permaisuri terdapat di pejabat, kedai,

rumah persendirian dan di pelusuk bandar. Buat pertama kalinya juga rombongan dapat menikmati hidangan bunga cempaka, bunga kertas, bunga ros, bunga raya, bunga melor yang digoreng dan disajikan oleh restoran Ren-Malikka.

Rombongan juga menerima cenderamata buku-buku mengenai Raja Thailand terbitan PRD yang boleh menjadi rujukan dan panduan untuk bahan-bahan penerbitan Jabatan Penerangan.



Delegasi Brunei berinteraksi bersama pegawai dari National Archives of Thailand.



Lawatan ke Bronze Craft Market - salah satu 'One Tumbon, One Product' (Satu Mukim, Satu Produk) di Pradittornkarn Community, Bangkok, Thailand.



Bergambar ramai bersama para juruhebah Radio Thailand.

# Majlis Ramah Mesra Aidilfitri

Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1430H/2009M, Meraikan Pesara dan Pegawai Yang Bertukar serta Rombongan MOU Brunei Darussalam - Malaysia pada hari Sabtu, 27 Syawal/17 Oktober.

Majlis yang diadakan di Dewan Pengiran Setia Negara, ibu pejabat jabatan pada malam itu telah dihadiri oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, para pegawai dan kakitangan jabatan berserta ahli keluarga, para pesara dan pegawai yang berpindah jabatan, di samping meraikan delegasi dari Malaysia yang mengikuti Program Pertukaran Lawatan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan Doa Selamat,



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi menyampaikan ucapan alu-aluan.

diikuti oleh ucapan Pengarah Penerangan.

Manakala ucapan oleh wakil pegawai dan kakitangan yang bersara/berpindah jabatan telah disampaikan oleh Awang Haji Yussof bin Haji Ladi. Juga menyampaikan ucapan ialah wakil delegasi dari Malaysia.

Sambil menikmati makan malam, para hadirin dihiburkan dengan persembahan nyanyian, sketsa drama 'Balik Kampung' dan diselangselikan dengan cabutan tiket bertuah.

Majlis Sambutan Ramah Mesra Aidilfitri diadakan bertujuan untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri di kalangan warga jabatan dari keempat-empat daerah, di samping sebagai mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang sedia terjalin.



Sebahagian warga Penerangan yang sama-sama hadir memeriahkan lagi Majlis Ramah Mesra Aidilfitri berlangsung, di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan. Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong juga turut serta mendendangkan lagu bagi memeriahkan lagi majlis pada malam tersebut.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi menyempurnakan penyampaian cenderamata kenangan kepada empat orang pegawai yang telah bersara. Antara penerima ialah Awang Haji Yussof bin Haji Ladi, yang pernah menjawat jawatan Timbalan Pengarah Penerangan.



Awang Haji Sahrin bin Haji Asmat, seorang kakitangan jabatan ini yang telah berpindah ke Balai Kenangan menerima cenderamata kenangan daripada Pengarah Penerangan.

## Gembira di Hari Raya...



## Program Penempatan Di Jabatan Penerangan Malaysia

Dua orang pegawai daripada Jabatan ini telah menyertai program penempatan kerja di Jabatan Penerangan, di Cawangan Pentarama Kuala Lumpur, Malaysia. Mereka ialah Awang Wahid bin Haji Halim, Penolong Pegawai Penerangan dan Awang Haji Rahime bin Haji Anuar, Pegawai Luar Penerangan dari Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Program berkenaan dikhususkan bagi meninjau dan melihat secara langsung Persembahan Pentarama yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan Malaysia. Program tersebut berlangsung selama tujuh hari bermula 22 hingga 28 Oktober.

Antara atur cara yang telah disusun ialah kunjungan hormat kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Abdullah bin Morad, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia; Taklimat daripada cawangan Pentarama, Bahagian Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat; lawatan ke bahagian-bahagian Jabatan Penerangan Malaysia; menyaksikan persembahan Pentarama di Gerik Negeri Perak; menyaksikan persembahan



Bergambar ramai bersama peserta persembahan Pentarama.

Pentarama sempena NIEX '09 (Nam Institute For The Empowerment of Women Malaysia); Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Mid Valley, Kuala Lumpur. Sementara Persembahan Pentarama yang akan diadakan di Padang Awam, Istana Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dibatalkan dan seterusnya acara digantikan kepada lawatan ke Studio Pentarama, Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Tujuan program berkenaan ialah untuk menyaksikan Program Pentarama Malaysia di bawah memorandum persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia mengenai kerjasama di bidang Penerangan dan Penyiaran.

Berita dan gambar sumbangan Haji Rahimie bin Haji Anuar, Unit Infortainment Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan



Lawatan ke bahagian-bahagian Jabatan Penerangan Malaysia.



Bergambar ramai semasa lawatan di Studio Pentarama.



Bergambar di hadapan Studio Pentarama dan Wisma Sime Darby.

**Wisma Sime Darby**



## Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Oktober

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO) di Bahagian Perkhidmatan Media adalah merupakan satuprodukperkhidmatan Jabatan Penerangan yang bertugas mengawal selia, pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikuti peraturan dan

ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, sama ada dari segi berpakaian dan liputan.

Jadual disediakan oleh:  
Bahagian Perkhidmatan Media.

07 Oktober	Majlis Penyampaian Baki Wang Zakat Kepada Asnaf dan Fakir Miskin di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
19 Oktober	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Pesta Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
22 Oktober	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum berlepas ke luar negeri.
31 Oktober	MRO bertugas di Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

## Selamat Hari Lahir

1. Awang Mohd. Nizam bin Abdullah
2. Awangku Jefferi bin Pengiran Durahman
3. Wan Mohamad Sahran bin Wan Ahmad
4. Awang Brahim bin Haji Mohamad Nor
5. Awang Abdul Hakim bin Haji Ibrahim
6. Dayang Siti Haniza binti Azari
7. Dayang Normah binti Haji Tumar
8. Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar
9. Awang Saipol Bahri bin Haji Mat Zain
10. Dayang Mas'Ayu binti Perwira Asgar Haji Abdullah
11. Awang Abdul Kadir bin Mohd. Tahir
12. Awang Haji Rahimie bin Haji Anuar
13. Pengiran Shah Herman bin Pengiran Bidin
14. Awang Haji Jafrey bin Mohd. Hanafiah
15. Dayang Siti Sarah binti Bakar
16. Awang Mohd. Rusli bin Abdullah
17. Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman
18. Dayang Siti Faizahanisa binti Awang Mahani

- 3 Oktober
- 6 Oktober
- 8 Oktober
- 10 Oktober
- 11 Oktober
- 11 Oktober
- 12 Oktober
- 14 Oktober
- 16 Oktober
- 17 Oktober
- 18 Oktober
- 18 Oktober
- 18 Oktober
- 19 Oktober
- 20 Oktober
- 20 Oktober
- 23 Oktober
- 27 Oktober

## Kakitangan Baru Berkhidmat



**Dayangku Vivy Malessa binti Pengiran Ibrahim**  
Jawatan: Pemberita  
Tarikh melapor: 1 Oktober 2009



**Dayang Siti Faizahanisa binti Awang Mahani**  
Jawatan: Penyemak  
Tarikh melapor: 1 Oktober 2009

## Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Dk. Vivy Malessa binti Pengiran Ibrahim kerana selamat melahirkan cahaya mata keempat, seorang anak damit lelaki pada 26 Oktober.

Gembira di Hari Raya...

Hari Raya



Diterbitkan bersama oleh Bahagian Perhubungan Awam & Bahagian Berita Inggeris dan Media IT

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Dicetak oleh Borneo Printers & Trading Sdn Bhd.

Tel: 2 651 387

Faks: 2 654 342